



Malaysia#QuranHour serentak seluruh negara 30 Ogos ini

Oleh Norzamira Che Noh - Ogos 16, 2023 @ 8:42pm
bhnews@bh.com.my

SHAH ALAM: Malaysia #QuranHour yang akan diadakan serentak di seluruh negara pada 30 Ogos ini, bakal membawa agenda anak muda dan peranan orang dewasa dalam misi 'Malaysia Berakh�ak Mulia : Pemuda Merdeka, Pemimpin Abrar'.

Acara yang memasuki tahun kesembilan itu juga akan bersiaran langsung dari Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya pada jam 12 hingga 1 tengahari.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUIF), Marhaini Yusoff berkata golongan muda menjadi tonggak dan aset penting dalam pembinaan negara pada masa hadapan.

Katanya, gabungan anak muda dan orang dewasa akan saling melengkapi dalam melahirkan pemimpin abrar serta membawa legasi kebaikan yang membumikkan al-Quran.

"Sehingga 12 Ogos lalu, pemimpin, calon dan rakyat berhempas pulas dengan pelbagai cara untuk menentukan kepimpinan di Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan dan Terengganu menerusi Pilihan Raya Negeri (PRN).

"Kini tiba masanya kita semua bangkit untuk bersyukur dan membina legasi negara MADANI yang amanah, ikhlas, teguh, harmoni, sejahtera dan progresif. Ini selari dengan tema Hari Kebangsaan, Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan

"Kita perlu tinggalkan segala pertelingkahan, perbalahan dan perpecahan di segenap lapisan rakyat mahupun pemimpin. Dalam erti kata lain, rapatkan jurang perbezaan, besarkan persamaan dalam membangunkan sebuah negara yang aman, utuh dan progresif, melalui intervensi diformulasikan dari prinsip-prinsip al-Quran."

Marhaini berkata, Malaysia #QuranHour yang digerakkan sempena Hari Kebangsaan pada 31 Ogos setiap tahun, mengajak seluruh masyarakat memahami intipati dan erti kemerdekaan dalam membangunkan sebuah negara yang aman, utuh dan progresif, melalui intervensi diformulasikan dari prinsip-prinsip al-Quran.

Katanya, surah al-fatihah (pembukaan), surah al-insan (manusia) dan surah al-asr (masa) menjadi surah pilihan bagi mengangkat tema berkenaan.

"Pendekatan tadabbur dengan al-Quran dengan surah berkenaan dapat melahirkan golongan pemuda berkemahiran dalam membina projek pembangunan negara sekali gus melahirkan pemimpin abrar pada masa hadapan," katanya.